CHANDRAN GOPAL

lwn.

MOHAMMAD RAZALI JAAFAR

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDUL MALEK AHMAD H
[GUAMAN SIVIL NO. 23-44-89]
31 JANUARI 1992

TORT: *Gantirugi am dan khas - Kecuaian - Cerita defendan berbeza dari penyata pembelaannya - Samada tiap-tiap pihak terikat dengan pliding masing-masing - Liabiliti 100% - Kuantum - Seksyen 28A(2)(d)(i) Akta Undang-undang Sivil 1956.*

Kemalangan diantara basikal plaintif dan kereta defendan telah berlaku lebih kurang jam 10 malam pada 12 September 1988. Akibat dari kemalangan tersebut, plaintif telah mendapat kekehelan tulang belakangnya dan kelumpuhan sepenuhnya dikedua-dua anggota kakinya dan kelumpuhan hampir sepenuhnya di kedua-dua lengannya dan kesulitan bernafas.

Seterusnya, lapuran perubatan terhadapnya yang dipersetujui diantara kedua-dua pihak, menyatakan beliau telah kehilangan sensasi seluruh badan melainkan kepala, muka, leher, bahu dan bahagian atas kedua-dua lengannya dan dengan demikian, oleh kerana ketidakupayaan adalah kekal, beliau memerlukan rawatan berterusan serta bantuan seharian untuk makan, membuang air dan sebagainya.

Diputuskan:

[1] Mahkamah berpendapat defendan hendaklah didapati seratus peratus bertanggungjawab untuk kemalangan ini kerana jika benar cahaya kereta dari hadapan telah membuat beliau tidak nampak, beliau sepatutnya hendaklah memberhentikan keretanya untuk mengelakkan kemalangan seperti ini. Lagipun, cerita defendan adalah berbeza dari penyata pembelaannya dimana beliau telah menyatakan kemalangan disebabkan oleh plaintif melintas jalan dan seterusnya menghalang jalanraya.

[2] Mahkamah berpendapat bahawa tiap-tiap pihak terikat dengan pliding masing-masing dan oleh kerana perbezaan ini, Mahkamah terpaksa menganggap cerita defendan di Mahkamah adalah sebagai tidak benar.

[3] Mahkamah telah mengawardkan RM160,000 untuk kesakitan dan kesengsaraan dan kehilangan ameniti kepada plaintif. Mahkamah juga mengawardkan gantirugi khas dan faedah.

[Defendan didapati 100% bertanggungjawab. Gantirugi am dan khas diawardkan.]

Kes yang dirujuk:

Siti Rahmah bte Ibrahim lwn. Marappan a/l NallanKoundar & Seorang Lagi [1989] 2 CLJ (Rep) 481 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Civil Law Act 1956, s. 28A(2)(d)(i)

Bagi pihak plaintif - C.K. Leong; T/n. C.K. Leong & Co.
Bagi pihak defendan - Fathiyah binti Idris; T/n. Chong & Poh

PENGHAKIMAN

Abdul Malek H:

Kemalangan di antara basikal plaintif dan kereta defendan telah berlaku lebih kurang jam 10 malam pada 12 September 1988 di Jalan Pengkalan, Pasir Puteh. Akibat dari kemalangan tersebut, plaintif telah mendapat kekehelan tulang belakangnya di C5 dan C6, kelumpuhan sepenuhnya di kedua-dua anggota kakinya dan kelumpuhan hampir sepenuhnya kedua-dua lengannya dan kesulitan bernafas. Seterusnya, lapuran perubatan terhadapnya yang bertarikh 11 Disember 1991, dan yang dipersetujui diantara kedua-dua pihak, menyatakan beliau telah kehilangan sensasi seluruh badan melainkan kepala, muka, leher, bahu dan bahagian atas kedua-dua lengannya dan dengan demikian, oleh kerana ketidakupayaan adalah kekal, beliau memerlukan rawatan berterusan serta bantuan seharian untuk makan, membuang air dan sebagainya.

Ada dua cerita yang berlainan mengenai bagaimana kemalangan berlaku. Mengikut kata plaintif, beliau dan dua orang rakan sekerjanya iaitu Radhakrishnan dan Thevindran, masing-masing mengayuh basikal sendiri, sedang dalam perjalanan ke tempat kerja malam itu. Mereka menunggang basikal bukan bersaingan tetapi berturut-turut dalam satu barisan dengan Radhakrishnan di hadapan, plaintif dan kemudiannya Thevindran dan kereta yang dipandu oleh defendan telah melanggar Thevindran dahulu sebelum melanggar plaintif.

Thevindran telah menyokong keterangan plaintif mengenai mereka berdua dan Radhakrishnan menunggang basikal berturut-turut di tepi kiri jalan apabila dilanggar oleh kereta defendan. Kedua-dua plaintif dan Thevindran juga menyatakan bahawa keadaan di tempat kejadian gelap tetapi jalan mereka diterangi oleh lampu basikal masing-masing. Juga, mereka telah memberi keterangan bahawa tiada kenderaan lain selain dari basikal-basikal mereka dan kereta defendan dan kedua-dua mereka tidak mendengar apa-apa bunyi berek atau hon sebelum pelanggaran.

Defendan telah memberitahu Mahkamah bahawa beliau tidak nampak mana-mana basikal langsung kerana ada kereta dari arah hadapan dengan cahaya lampu yang kuat yang telah mengilaukan pandangannya. Selepas selisih dengan kereta berkenaan, kereta defendan telah melanggar basikal dan beliau hanya sedar apabila cermin hadapan keretanya pecah disebabkan oleh terkena badan manusia. Sungguh pun kes telah ditangguh sekali atas permintaan defendan untuk memanggil penumpang tunggal keretanya, saksi tersebut telah tidak dapat dikesan.

Setelah mendengar kedua-dua belah pihak, Mahkamah berpendapat defendan hendaklah didapati seratus peratus bertanggungjawab untuk kemalangan ini kerana jika benar cahaya kereta dari hadapan telah membuat beliau tidak nampak, beliau sepatutnya hendaklah memberhentikan keretanya untuk mengelakkan kemalangan seperti ini. Lagipun, cerita defendan adalah berbeza dari penyataan pembelaanya di mana beliau telah menyatakan kemalangan disebabkan oleh plaintif melintas jalan dan seterusnya menghalang jalannya. Mahkamah berpendapat bahawa tiap-tiap pihak terikat dengan pliding masing-masing dan oleh kerana perbezaan ini, Mahkamah terpaksa menganggap cerita defendan di Mahkamah adalah tidak benar.

Serpihan kaca di tengah jalan seperti atas rajah kasar tidaklah membuktikan kemalangan berlaku di tengah jalan kerana dengan kereta defendan terkena kepada kedua-dua basikal dan seterusnya plaintif telah terlambung ke cermin hadapan kereta defendan menandakan satu pelanggaran dengan pukulan kuat menyebabkan serpihan kaca bertaburan di tengah jalan.

Fakta pengakuan defendan sendiri yang beliau memang tidak nampak basikal-basikal berkenaan sebelum kemalangan sungguh pun basikal-basikal plaintif dan Thevindran diterangi dengan cahaya lampu masing-masing hanya melambangkan kecuaian dirinya sendiri.

Mengenai kuantum, dari segi gantirugi khas, tiada keterangan diberi tentang perbelanjaan perjalanan ke hospital oleh keluarga plaintif untuk menziarahi plaintif, makanan berzat yang perlu diambil oleh plaintif di hospital, dan perbelanjaan plaintif di Hospital Besar Ipoh. Oleh itu, Mahkamah tidak membuat apa-apa award untuk butiran-butiran [a], [b] dan [c] masing-masing. Kos laporan perubatan sebanyak RM40 di butiran [d] dan kos dokumen polis sebanyak RM20 di butiran [e] telah dipersetujui. Mengenai kehilangan basikal di butiran [f], plaintif telah memberi keterangan bahawa harganya masa dibeli baru ialah RM150 dan dengan demikian, Mahkamah menganggap award RM80 memadai seperti dipohon.

Tentang kos lapuran pakar, tiada keterangan diberi dan tiada award dibuat untuk butiran [g]. Untuk kos kerusi roda recliner, sheepskin dan tilam Pulsar di butiran [h], RM3,000 telah dipersetujui. Mengenai kos penjagaan rawatan, Mahkamah berpendapat plaintif perlu dijaga dua puluh empat jam dalam keadaan beliau sekarang. Lagi pun, emaknya telah terpaksa meninggalkan kerjanya dengan gaji dalam lingkungan RM500 sebulan . Mahkamah berpendapat RM300 sebulan memadai dan adil dan telah membuat award RM12,000 untuk tempuh sebelum bicara dari tarikh kemalangan pada 12 September 1988 hingga ke tarikh penghakiman pada 11 Januari 1991. Untuk tuntutan kehilangan pendapatan di butiran [j], plaintif dan majikannya telah memberi keterangan bahawa plaintif sedang mendapat gaji RM18 sehari untuk 26 hari sebulan pada tarikh kemalangan. Sungguhpun jumlahnya RM468 Mahkamah berpendapat RM350 memadai kerana gantirugi yang dihitung merangkumi tempuh yang panjang. Seterusnya, Mahkamah telah membuat award RM14,000 berdasarkan RM350 kali 40.

Bagi gantirugi am, Mahkamah telah memotong 40 bulan dari kalian 16, seperti ditetapkan oleh s. 28A(2)(d)(i) Akta Undang-undang Sivil 1956, dan setelah mendapat baki 152 bulan, Mahkamah telah membuat award RM300 kali 152 iaitu RM45,600 untuk kos penjagaan rawatan masa hadapan dan RM350 kali 152 iaitu RM53,200 untuk kehilangan pendapatan masa hadapan. Kerana ada keterangan bahawa alat-alat perubatan perlu diganti beberapa kali, Mahkamah juga telah membuat award RM6,000 untuk kos penggantian tersebut. Ini adalah amaun yang adil dan munasabah untuk penggantian alat-alat yang berkenaan.

Untuk kelumpuhan kedua-dua anggota lengan atau quadriplegia, award pada kebiasaannya adalah dalam lingkungan RM180,000 untuk kesakitan dan kesengsaraan dan kehilangan ameniti seperti telah dihuraikan oleh saya dalam *Siti Rahmah bte Ibrahim lwn Marappan a/l Nallan Koundar dan seorang lagi* [1989] 2 CLJ (Rep) 481 tetapi dalam kes ini lapuran pakar telah menyatakan bahawa plaintif masih boleh menggerakkan bahu dan bahagian atas lengannya sedikit dan Mahkamah telah mengurangkan award kepada RM160,000 yang dianggap adalah munasabah dan wajar.

Mahkamah juga telah memberi faedah lapan peratus atas gantirugi am dari tarikh penyampaian writ hingga tarikh penghakiman, kecuali kerugian masa hadapan, dan empat peratus atas gantirugi khas dari tarikh kemalangan hingga tarikh penghakiman. Kos hendaklah ditaksir.

Also found at [1992] 2 CLJ 785